

**GARIS PANDUAN  
PERMOHONAN MENGIKUTI KURSUS JANGKA SEDERHANA DAN  
JANGKA PANJANG SECARA SEPENUH MASA  
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT**

**JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT**

## KANDUNGAN

1. Tujuan .....	3
2. Latar Belakang.....	3
3. Tafsiran .....	3
4. Syarat - Syarat Khusus Bagi Pengajian Peringkat Kedoktoran .....	4
5. Syarat - Syarat Khusus Bagi Pengajian Peringkat Sarjana .....	5
6. Syarat - Syarat Khusus Bagi Pengajian Peringkat Ijazah Pertama/ Diploma/ Sijil atau Diploma Kemahiran Malaysia .....	6
7. Tanggungjawab Selepas Menamatkan Pengajian.....	6
8. Tatacara dan Dokumen Permohonan .....	8
9. Pemakaian .....	9
10. Pengecualian .....	9
11. Pertanyaan .....	10
12. Rujukan .....	10
Lampiran 1 (i) .....	11
Lampiran 1 (ii) .....	12
Lampiran 2 .....	13

## TUJUAN

1. Garis panduan ini bertujuan untuk menjelaskan pengurusan dan syarat khusus peringkat Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi permohonan mengikuti pengajian secara sepenuh masa di peringkat Sijil, Diploma, Ijazah Pertama, Sarjana dan Kedoktoran (Ph.D) melibatkan Skim Pembangunan Masyarakat (Skim S) di bawah Perkhidmatan Bukan Gunasama Lantikan Persekutuan sahaja.
2. Kandungan garis panduan ini adalah termasuk syarat khusus permohonan, prosedur permohonan, bidang yang dibenarkan dan tanggungjawab pegawai setelah tamat pengajian.

## LATAR BELAKANG

3. Latihan dalam perkhidmatan awam bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana telah digariskan melalui Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia – Dasar Pembangunan Sumber Manusia, Perkhidmatan Awam Versi 1.0 (2022) yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2022 dan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia – Dasar Latihan dan Penajaan. Versi 1.0 (2022).

## TAFSIRAN

4. Bagi maksud Garis Panduan ini:

“**Biasiswa**” bermakna kemudahan yang diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Asing atau Badan Antarabangsa bagi membiayai yuran pengajian, elaun sara hidup dan kemudahan-kemudahan lain semasa dalam tempoh berkursus;

“**Cuti Belajar**” (dalam Perintah Am Bab C 1974 disebut sebagai Cuti Berkursus) bermakna cuti yang diluluskan oleh Kerajaan kepada seseorang pegawai bagi mengikuti kursus jangka sederhana dan kursus jangka panjang secara sepenuh masa. Dalam tempoh tersebut, pegawai dibenarkan meninggalkan tugas untuk berkursus dan tidak dikira sebagai putus perkhidmatan atau sebagai berhenti kerja;

“**Kursus**” bermakna sebarang kursus atau latihan berbentuk akademik atau kemahiran atau kepakaran, latihan amali/ latihan praktikal, program sangkutan/ *internship*;

“**Kursus Jangka Sederhana**” bermakna kursus sepenuh masa yang tempohnya melebihi tiga (3) bulan tetapi tidak melebihi dua belas (12) bulan kalendar termasuk hari kelepasan mingguan, kelepasan am dan cuti akademik;

“**Kursus Jangka Panjang**” bermakna kursus sepenuh masa yang tempohnya melebihi dua belas (12) bulan kalendar termasuk hari kelepasan mingguan, kelepasan am dan cuti akademik;

“**Ketua Jabatan**” bermaksud Pengarah Bahagian/ Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri/ Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah/ Ketua Institusi di mana pegawai berkhidmat; dan

“**Ketua Perkhidmatan**” bermaksud Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat (KPKM).

## **SYARAT - SYARAT KHUSUS BAGI PENGAJIAN PERINGKAT KEDOKTORAN (PH. D).**

### **5. Kelayakan Permohonan**

- i. Calon memenuhi syarat umum dan khusus yang ditetapkan JPA dalam syarat - syarat tawaran penajaan sama ada oleh Kerajaan Malaysia/ Kerajaan Negara Asing/ Badan Antarabangsa/ tawaran tajaan lain pada tahun memohon termasuk perkara-perkara berikut:
    - a. Had umur;
    - b. Tempoh perkhidmatan minimum yang ditetapkan oleh penaja (bagi Hadiah Latihan Persekutuan **sembilan (9) tahun** di Kumpulan Pengurusan & Profesional/ bagi tajaan biasiswa lain bergantung kepada syarat ditetapkan oleh JPA atau penaja);
    - c. Mencapai purata markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) 85% ke atas bagi tempoh tiga (3) tahun berturut-turut dalam skim perkhidmatan terkini. Penilaian setahun LNPT hendaklah genap 12 bulan;
    - d. Pematuhan kepada syarat genap tempoh menunggu selepas tamat kursus jangka panjang; dan
    - e. Lain-lain syarat yang ditetapkan.
  - ii. Permohonan calon disokong oleh Ketua Jabatan iaitu Pengarah Bahagian atau Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri di mana calon sedang berkhidmat sewaktu permohonan.
6. Bidang pengajian yang ditetapkan oleh pihak Pengurusan Tertinggi JKM seperti **di Lampiran 2.**

## **SYARAT - SYARAT KHUSUS BAGI PENGAJIAN PERINGKAT SARJANA**

### **7. Kelayakan Permohonan**

- i. Calon memenuhi syarat umum dan khusus yang ditetapkan JPA dalam syarat - syarat tawaran penajaan sama ada oleh Kerajaan Malaysia/ Kerajaan Negara Asing/ Badan Antarabangsa/ tawaran tajaan lain pada tahun memohon termasuk perkara-perkara berikut:
    - a. Had umur;
    - b. Tempoh perkhidmatan minimum yang ditetapkan oleh penaja (bagi Hadiah Latihan Persekutuan **lapan (8)** tahun di Kumpulan Pengurusan & Profesional/ bagi tajaan biasiswa lain bergantung kepada syarat ditetapkan oleh JPA atau penaja);
    - c. Mencapai purata markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) 85% ke atas bagi tempoh tiga (3) tahun berturut-turut dalam skim perkhidmatan terkini. Penilaian setahun LNPT hendaklah genap 12 bulan;
    - d. Pematuhan kepada syarat genap tempoh menunggu selepas tamat kursus jangka panjang; dan
    - e. Lain-lain syarat yang ditetapkan.
  - ii. Permohonan calon disokong oleh Ketua Jabatan iaitu Pengarah Bahagian atau Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri di mana calon sedang berkhidmat sewaktu permohonan.
8. Bidang pengajian yang ditetapkan oleh pihak Pengurusan Tertinggi JKM seperti di **Lampiran 2**.

## **SYARAT - SYARAT KHUSUS BAGI PENGAJIAN PERINGKAT IJAZAH PERTAMA/ DIPLOMA/ SIJIL ATAU DIPLOMA KEMAHIRAN MALAYSIA**

### **9. Kelayakan Permohonan**

- i. Calon memenuhi syarat umum dan khusus yang ditetapkan JPA dalam syarat - syarat tawaran penajaan sama ada oleh Kerajaan Malaysia pada tahun memohon termasuk perkara - perkara berikut:
  - a. Had umur;
  - b. Tempoh perkhidmatan minimum yang ditetapkan oleh penaja iaitu JPA mengikut kategori kursus:
    1. Sijil/ Diploma Kemahiran Malaysia – lima (5) tahun;

2. Diploma – lima (5) tahun; dan
  3. Ijazah pertama – 10 tahun.
- c. Mencapai purata markah Laporan Nilain Prestasi Tahunan (LNPT) 85% ke atas bagi tempoh tiga (3) tahun berturut - turut dalam skim perkhidmatan terkini. Penilaian setahun LNPT hendaklah genap 12 bulan;
  - d. Pematuhan kepada syarat genap tempoh menunggu selepas tamat kursus jangka Panjang;
  - e. Tidak mengikuti pengajian di peringkat yang sama atau lebih rendah daripada kelayakan yang sedia ada dimiliki; dan
  - f. Lain-lain syarat yang ditetapkan.
- ii. Permohonan calon disokong oleh Ketua Jabatan iaitu Pengarah Bahagian atau Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri di mana calon berkhidmat sewaktu permohonan. Rujuk Carta Aliran Permohonan Mengikuti Pengajian Secara Sepenuh Masa di **Lampiran 1 (i) dan (ii)**.
10. Bidang pengajian yang ditetapkan oleh pihak Pengurusan Tertinggi JKM seperti di **Lampiran 2**.

## **TANGGUNGJAWAB SELEPAS MENAMATKAN PENGAJIAN**

11. Apabila Pegawai telah tamat Pengajian, pegawai bertanggungjawab untuk:
  - i. melaporkan diri ke Bahagian Modal Insan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui portal MySelf/apa-apa kaedah yang diarahkan oleh JPA;
  - ii. melaporkan diri di Bahagian Pengurusan, Ibu Pejabat JKM dan mengemukakan salinan surat pengesahan lapor diri daripada JPA;
  - iii. menerima penempatan yang ditetapkan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia JKM;
  - iv. mengemukakan satu (1) salinan tesis untuk simpanan Perpustakaan JKM sebagai rujukan (Sarjana Mod Penyelidikan atau PhD);
  - v. perkongsian hasil thesis/ projek yang dijalankan sewaktu pengajian di peringkat Sarjana Mod Penyelidikan atau PhD di sesi khas perkongsian ilmu Jabatan.

## TATACARA DAN DOKUMEN PERMOHONAN

12. Tatacara permohonan adalah seperti di Lampiran 1(i) – Permohonan Mengikuti Pengajian Sepenuh Masa bagi Pegawai di Ibu Pejabat dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri dan Lampiran (ii) – Permohonan Mengikuti Pengajian Sepenuh Masa bagi Pegawai di Pegawai Kebajikan Masyarakat Negeri dan Institusi.
  - i. Bagi permohonan yang dikemukakan daripada Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah atau Institusi, pegawai hendaklah mendapatkan sokongan Ketua Jabatan di penempatan masing-masing. Sokongan adalah dalam bentuk surat sokongan kepada Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri sahaja;
  - ii. Bagi tajaan yang menggunakan kaedah permohonan melalui sistem dalam talian, pegawai boleh memohon secara dalam talian (contoh: permohonan HLP di dalam <http://esilav2.jpa.gov.my/> <http://esilav2.jpa.gov.my/>) mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh penganjur;
  - iii. Permohonan pegawai yang dilaksanakan secara dalam sistem dalam talian tetap akan melalui semakan dan pertimbangan perakuan Ketua Perkhidmatan melalui Panel Pembangunan Sumber Manusia (Latihan) JKM;
  - iv. Sokongan Ketua Jabatan di dalam sistem adalah merujuk kepada Pengarah Bahagian/ Pengarah Kebajikan Negeri. Panel Pembangunan Sumber Manusia (Latihan) JKM akan memperakukan permohonan tersebut setelah disokong oleh Ketua Jabatan;
  - v. Pegawai bertanggungjawab memuat turun dan mencetak borang permohonan yang telah dilengkapkan bagi permohonan yang perlu dibuat secara dalam talian. Borang tersebut perlu ditandatangani oleh pegawai dan Ketua Jabatan. Pegawai perlu mengemukakan borang permohonan tersebut bersama-sama dokumen lain seperti keperluan senarai semak dokumen. Senarai semak dokumen asas permohonan pengajian sepenuh masa adalah seperti di Lampiran iii; dan
  - vi. Permohonan perlu dikemukakan ke Cawangan Latihan dan Kompetensi di Bahagian Pengurusan melalui pos/ serahan tangan sekurang-kurangnya 14 hari sebelum tarikh tutup permohonan yang ditetapkan oleh JKM. **Tarikh tutup yang perlu dipatuhi pemohon adalah tarikh tutup JKM, dan bukan yang ditetapkan penaja.**

## PEMAKAIAN

13. Garis Panduan ini adalah **terpakai** kepada kategori Skim Bukan Gunasama iaitu kakitangan Skim Pembangunan Masyarakat (Skim S) peringkat Kumpulan

Pengurusan & Profesional dan Kumpulan Pelaksana di mana Ketua Perkhidmatan adalah Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat.

- i. Garis Panduan ini adalah sebagai rujukan untuk permohonan bagi pengajian peringkat Kedoktoran (Ph.D) dan Sarjana bagi Kumpulan Pengurusan & Profesional dan Sarjana Muda, Diploma dan Sijil bagi Kumpulan Pelaksana yang menerima tajaan Kerajaan Malaysia/ Kerajaan Negara Asing/ Badan Asing/ lain-lain tajaan. Bagi Kumpulan Pelaksana tajaan pengajian sepenuh masa adalah merujuk kepada tajaan yang dikeluarkan oleh JPA pada masa ini.
- ii. Garis Panduan ini **tidak terpakai** bagi calon skim Perkhidmatan Gunasama di mana Ketua Perkhidmatan adalah Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam atau mana-mana Ketua Perkhidmatan lain;
- iii. Garis Panduan ini **tidak termasuk pengajian kursus secara sambilan** melibatkan skim Perkhidmatan Gunasama dan Bukan Gunasama. Kelulusan pengajian ini adalah di peringkat KPKM bagi semua skim seperti dalam Garis Panduan Permohonan Program Pengajian Secara Sambilan di Institusi Pengajian Tinggi Dalam Negara JKM.
- iv. Panel Pembangunan Sumber Manusia (Latihan) Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mempunyai kuasa untuk menilai dan menimbangkan perakuan sokongan permohonan calon skim Perkhidmatan Bukan Gunasama sepenuhnya. Ini adalah sepertimana kuasa yang ditetapkan bagi Ketua Perkhidmatan; dan
- v. Semua akta-akta, surat pekeliling, surat siaran, arahan serta peraturan berkaitan yang sedang berkuatkuasa perlu dibaca bersama garis panduan ini.

## **PENGECUALIAN**

14. Sekiranya Pegawai daripada Kumpulan Pengurusan & Profesional telah memiliki pendidikan peringkat Sarjana sebelum memasuki perkhidmatan awam dan ingin menyambung peringkat pengajian Kedoktoran (Ph.D), permohonan pegawai masih tertakluk kepada syarat-syarat umum dan khusus yang ditetapkan oleh JPA bagi kemudahan cuti belajar.
15. Panel Pembangunan Sumber Manusia (Latihan) JKM akan membuat pertimbangan perakuan permohonan pengajian secara sepenuh masa Pegawai berdasarkan kepada syarat umum dan syarat khusus yang ditetapkan oleh Penaja. Tiada sebarang pengecualian terhadap syarat-syarat tersebut boleh dilaksanakan di peringkat Panel selaras dengan kuasa yang ditetapkan di bawah Pekeliling Perkhidmatan dan Garis Panduan semasa berkaitan pengurusan perkara ini.



## **PERTANYAAN**

16. Sebarang pertanyaan berkaitan Garis Panduan ini boleh dirujuk kepada:

Cawangan Latihan dan Kompetensi  
Bahagian Pengurusan  
Jabatan Kebajikan Masyarakat  
Aras 18, No.55  
Persiaran Perdana, Presint 4  
**62100 PUTRAJAYA**

No.Telefon : 03-8323 1862  
Emel: latihan\_kompetensi@jkm.gov.my


## **RUJUKAN**

17. Senarai rujukan adalah seperti berikut:

- i. Pekeliling Perkhidmatan yang berkuatkuasa;
- ii. Garis Panduan Kemudahan Cuti Belajar Kepada Pegawai Awam Yang Mengikuti Kursus Jangka Sederhana Dan Kursus Jangka Panjang Secara Sepenuh Masa JPA(L)S. 175/4/1 – 1 KLT.8(22); dan
- iii. Perintah - perintah Am Bab C 1976.

**BAHAGIAN PENGURUSAN  
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT  
Ogos 2023**

**CARTA ALIRAN  
PERMOHONAN MENGIKUTI KURSUS JANGKA PANJANG DAN SEDERHANA  
SECARA SEPENUH MASA  
(PEGAWAI DI IBU PEJABAT DAN JKMN)**




Nota:

\*- Sokongan Ketua Jabatan di dalam sistem permohonan dalam talian/secara manual

\*\*Perakuan JKM melalui PPSM (Latihan) JKM

**CARTA ALIRAN**  
**PERMOHONAN MENGIKUTI PENGAJIAN SECARA SEPENUH MASA**  
**(PEGAWAI DI INSTITUSI DAN PKMD)**



Nota:

\*- Sokongan Ketua Jabatan di dalam sistem permohonan dalam talian/secara manual

\*\*Perakuan JKM melalui PPSM (Latihan) JKM

**SENARAI BIDANG PENGAJIAN YANG DIBENARKAN  
BAGI PEGAWAI SKIM PEMBANGUNAN MASYARAKAT (SKIM S) DI BAWAH  
PERKHIDMATAN BUKAN GUNASAMA LANTIKAN PERSEKUTUAN JABATAN  
KEBAJIKAN MASYARAKAT**

KLUSTER	BIDANG/ PENGKHUSUSAN/ KURSUS	PERINGKAT PENGAJIAN		
		Ph.D**	SARJANA	IJAZAH PERTAMA
Kerja Sosial	Kerja Sosial		√	√
	Kerja Sosial dengan Kanak-Kanak	√	√	
	Kerja Sosial dengan Warga Emas	√	√	
	Kerja Sosial dengan Orang Kurang Upaya	√	√	
	Kerja Sosial dengan Komuniti dan Pembangunan <i>(Community Work and Development)</i>	√	√	√
	Pentadbiran Sosial <i>(Social Administration)</i>	√		√
	Pembangunan Sosial <i>(Social Development)</i>	√		
	Perubahan Sosial dan Pembangunan <i>(Social Change and Development)</i>	√		
	Polisi Sosial dan Perancangan <i>(Social Policy and Planning)</i>	√		
	Kerja Sosial Pendidikan <i>(Social Work Education)</i>	√		
Kerja Sosial	Bencana, Krisis dan Intervensi <i>(Disaster, Crisis and Intervention)</i>	√	√	√
Sains Sosial	Pembangunan Komuniti	√	√	√
	Perkembangan Kanak-Kanak	√	√	√
	Sistem Keadilan Jenayah	√	√	√

KLUSTER	BIDANG/ PENGKHUSUSAN/ KURSUS	PERINGKAT PENGAJIAN		
		Ph.D**	SARJANA	IJAZAH PERTAMA
	Pembangunan Manusia ( <i>Human Development</i> )	√	√	√
	Gerontologi	√	√	√
	Pembangunan Ketidakupayaan ( <i>Developmental Disabilities</i> )	√	√	√
	Kebajikan Sosial ( <i>Social Welfare</i> )	√	√	√
Psikologi	Psikologi	√	√	√
Sosiologi	Kriminologi	√	√	
	Gender	√	√	
	Sains Antropologi	√	√	√
	Sosiologi	√	√	√

**Rujukan:** *National Code of Education 2022*, Kementerian Pendidikan Tinggi.

**BIDANG KEUTAMAAN BAGI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL MENGIKUT PERINGKAT PENGAJIAN**

Bil	Kelayakan Akademik Semasa (sebelum permohonan dibuat)			Bidang Keutamaan
	DIPLOMA LANJUTAN/DIPLOMA KEMAHIRAN MALAYSIA	SARJANA MUDA	SARJANA	
<b>PERINGKAT KEDOKTORAN (PH. D)</b>				
1		Kerja Sosial	Selain Kerja Sosial	Pengkhususan yang dibenarkan adalah semua yang disenaraikan dalam kluster Lampiran 2 ini.
2		Selain Kerja Sosial	Kerja Sosial	
3	Diploma Pasca Siswazah Kerja Sosial (DPSKS)/ Diploma Kemahiran Malaysia Kerja Sosial (DKM)	Selain Kerja Sosial	Selain Kerja Sosial	
4		Selain Kerja Sosial	Selain Kerja Sosial	Bidang berkaitan kerja sosial sahaja
5		Selain Kerja Sosial		Bidang berkaitan kerja sosial sahaja

**BIDANG KEUTAMAAN BAGI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL MENGIKUT PERINGKAT PENGAJIAN**

Bil	Kelayakan Akademik Semasa (sebelum permohonan dibuat)		Bidang Keutamaan
	DIPLOMA LANJUTAN/ DIPLOMA KEMAHIRAN MALAYSIA	SARJANA MUDA	
<b>PERINGKAT IJAZAH SARJANA</b>			
1		Kerja Sosial	Pengkhususan yang dibenarkan adalah semua yang disenaraikan dalam kluster Lampiran 2 ini
2	Diploma Pasca Siswazah Kerja Sosial (DPSKS)/ Diploma Kemahiran Malaysia Kerja Sosial (DKM)	Selain Kerja Sosial	
3		Selain Kerja Sosial	Bidang berkaitan kerja sosial sahaja

**BIDANG KEUTAMAAN BAGI KUMPULAN PELAKSANA MENGIKUT PERINGKAT PENGAJIAN**

Bil	Kelayakan Akademik Semasa (sebelum permohonan dibuat)			Bidang Keutamaan
	Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia	Sijil Kemahiran Malaysia	Diploma Lanjutan/ Diploma Kemahiran Malaysia	
1	/			Ijazah Pertama – <b>Kluster Social Science, Business and Law: Bidang/Pengkhususan</b> <b>Kursus:</b> Sains Kemasyarakatan-Kerja Sosial

Bil	Kelayakan Akademik Semasa (sebelum permohonan dibuat)			Bidang Keutamaan
2	/	/		Ijazah Pertama – <b>Kluster <i>Social Science, Business and Law</i>: Bidang/Pengkhususan</b> <b>Kursus:</b> Sains Kemasyarakatan-Kerja Sosial
3	/	/	/	Ijazah Pertama – <b>Kluster <i>Social Science, Business and Law</i>: Bidang/ Pengkhususan</b> <b>Kursus:</b> Sains Kemasyarakatan-Kerja Sosial

**Nota:** Bagi permohonan melibatkan pengajian peringkat Sijil/ Diploma /Diploma Kemahiran, pemohon boleh memohon mana-mana bidang/ pengkhususan/ kursus yang diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam melalui program tajaan pengajian sepenuh masa.